

Tiada feri untuk motosikal, basikal

Perkhidmatan tersebut dihentikan sementara untuk kerja-kerja menaik taraf dermaga

BUTTERWORTH

Perkhidmatan feri untuk kenderaan beroda dua iaitu motosikal dan basikal akan dihentikan sementara bermula 1 Januari depan bagi memberi laluan kerja-kerja menaik taraf dermaga di terminal feri Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH), di sini dan Pangkalan Raja Tun Uda (PRTU), George Town.

Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Datuk Tan Teik Cheng berkata, proses menaik taraf itu mengambil masa selama tujuh bulan

merangkumi penggantian pelantar laluan dan pemasangan ponton terapung untuk disesuaikan dengan spesifikasi feri baharu.

“Sepanjang tempoh itu, perkhidmatan feri kenderaan beroda dua dihentikan, namun perkhidmatan feri berulang alik dari PSAH dan Terminal Swettenham Pier Cruise (SPCT) untuk penumpang pejalan kaki masih diteruskan. Sebanyak 200 slot parkir berbumbung bagi motosikal serta basikal secara percuma disediakan di PSAH dan SPCT.

“Kerja-kerja naik taraf menelan kos kira-kira RM19 juta itu turut melibatkan proses memasak cerucuk di dasar laut bagi mengukuhkan lagi ponton terapung dan proses tersebut akan mengambil sedikit masa memandang ia berisiko tinggi.

“Saya percaya apabila kerja-kerja menaik taraf kedua-dua terminal siap kelak, penduduk di sini dapat menikmati perkhidmatan feri yang moden, se-



FOTO: BERNAMA

Perkhidmatan feri untuk motosikal dan basikal akan dihentikan sementara bermula 1 Januari depan bagi kerja-kerja menaik taraf dermaga yang dijangka mengambil masa tujuh bulan untuk disiapkan.

lesa, cepat serta efisien,” katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja Exco Infrastruktur dan Pengangkutan Negeri, Zairil Khir Johari ke PSAH di sini pada Khamis.

Ujar Tan, bagi terminal feri PSAH, ruangan menunggu pengguna motosikal sedia ada telah diubah menjadi kawasan meletak motosikal dan basikal manakala pengguna dari arah

George Town, ruangan meletak kenderaan SPCT disediakan di kawasan gudang, laluan masuk Jalan Tun Syeh Barakbah.

Katanya, kawasan meletak motosikal dan basikal itu dibuka sepanjang operasi perkhidmatan feri iaitu dari jam 6 pagi hingga 9 malam.

Dengan kemudahan tersebut, pengguna kenderaan dua roda berkenaan dapat meneruskan perjalanan menyeberang menggunakan perkhidmatan bot laju lebih pantas iaitu kurang 10 minit perjalanan.

Sementara itu, Zairil berkata, kedua-dua terminal feri tersebut dilengkapi dengan stesen bas henti-henti Rapid Penang yang memudahkan pergerakan pengguna feri sebaik sahaja tiba.

Malah, katanya, kerajaan negeri bersama Rapid Penang juga akan melancarkan bas CAT Bridge baharu secara percuma dari Bukit Mertajam Summit melalui Bandar Perda ke bahagian Pulau negeri itu bermula 1 Januari depan. - *Bernama*